



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jemaah Nazir
Aras 3 - 5, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8884 4139
Faks: 03-8888 6867/6869

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 (75)
Tarikh : 03 Februari 2020

Semua Timbalan Ketua Nazir Sekolah
Semua Ketua Sektor
Semua Ketua Nazir Negeri
Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Ketua Nazir Cawangan
Semua Penolong Pengarah
Semua Nazir Sekolah

Tuan,

SURAT SIARAN KETUA NAZIR SEKOLAH BILANGAN 1 TAHUN 2020
PEMERIKSAAN INSTITUSI PENDIDIKAN OLEH JEMAAH NAZIR BAGI TAHUN
2020

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan tentang pelaksanaan pemeriksaan institusi pendidikan oleh Jemaah Nazir bagi tahun 2020.

...2. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) di bawah Seksyen 117, 118 dan 120 telah memberi kuasa kepada Jemaah Nazir (JN) untuk memeriksa, menasihati dan menyediakan laporan pemeriksaan institusi pendidikan bagi memastikan tahap kualiti pengajaran diwujudkan dan dikekalkan serta memastikan keakuratan pelaksanaan dasar atau program Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di peringkat institusi pendidikan. Sehubungan dengan itu, JN telah merancang pemeriksaan institusi pendidikan bagi tahun 2020 seperti dalam lampiran yang disediakan.

3. Tuan dikehendaki melaksanakan pemeriksaan tersebut secara beretika dan berintegriti mengikut tempoh dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Tuan juga dikehendaki menyediakan dapatan dan laporan pemeriksaan yang berkualiti berdasarkan data dan maklumat yang betul dan tepat.

4. Sukacita dingatkan bahawa semua urusan penaziran perlu mematuhi Panduan Keselamatan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan di JN. Oleh itu, hanya dokumen rahsia rasmi yang berkaitan dengan pemeriksaan yang dinyatakan dalam surat siaran ini sahaja yang dibenarkan untuk dibawa keluar dari pejabat JN, iaitu bagi tujuan pelaksanaan sesi pemeriksaan di institusi pendidikan dan penyediaan hasil pemeriksaan. Tuan juga diingatkan supaya memastikan semua bahan pemeriksaan bagi tujuan penyediaan Dapatan Pemeriksaan dan Laporan Kebangsaan Pemeriksaan Institusi Pendidikan dipelihara kerahsiaannya.

5. Selaras dengan dasar mengoptimumkan perbelanjaan, tuan dikehendaki mengamalkan perbelanjaan berhemat serta membuat tuntutan mengikut ketetapan Ketua Nazir Sekolah dan arahan yang sedang berkuat kuasa iaitu Arahan Pegawai Pengawal Tahun 2020.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



Dr. HAJAH ROZIAH BINTI ABDULLAH
Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Pembangunan Profesionalisme Keguruan
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Dasar dan Pembangunan Pendidikan
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Operasi Pendidikan
5. Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

SENARAI PEMERIKSAAN INSTITUSI PENDIDIKAN TAHUN 2020

| JENIS PEMERIKSAAN | NAMA PEMERIKSAAN | TARIKH PEMERIKSAAN | SEKTOR PENERAJU |
|---|--|--------------------|--|
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Pengurusan Prasekolah Ke arah Pembentukan Akhlak Murid | 09 Mac - 03 April | Sektor Standard dan Jaminan Kualiti |
| Penarafan Institusi Pendidikan | Pemeriksaan Penarafan Sekolah Kebangsaan (Asli) dan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) Tahun 2020 | 22 Mac – 10 April | Sektor Penaziran Institusi Pendidikan |
| Penarafan Institusi Pendidikan | Pemeriksaan Sekolah Pulau Tahun 2020 | 05 – 10 April | Sektor Penaziran Hal Ehwal Murid dan Kurikulum |
| Penarafan Institusi Pendidikan | Pemeriksaan Sekolah Seni Malaysia (SeSM) Tahun 2020 | 12 – 17 April | Sektor Penaziran Kurikulum |
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Pengurusan Persekitaran dan Infrastruktur Sekolah Tahun 2020 | 03 – 15 Mei | Sektor Penaziran Hal Ehwal Murid dan Kurikulum |
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Pelaksanaan Pemupukan dan Penghayatan Amali Solat ke Arah Pembentukan Sahsiah Muslim Unggul Tahun 2020 | 03 – 15 Mei | Sektor Penaziran Kurikulum |
| Penarafan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) | Pemeriksaan PdP Bidang Vokasional di Sekolah Harian Tahun 2020 | 07 – 19 Jun | Sektor Penaziran Kurikulum |

| JENIS PEMERIKSAAN | NAMA PEMERIKSAAN | TARIKH PEMERIKSAAN | SEKTOR PENERAJU |
|---|--|--|--|
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Verifikasi Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Kohort 2 Tahun 2020 | Bil. 1: 07 - 19 Jun Bil.2: 12 -14 Julai Bil.3: 01 - 11 Sept | Sektor Penaziran Kurikulum |
| Penarafan Institusi Pendidikan | Pemeriksaan Penarafan Sekolah Pendidikan Khas (SPK) Tahun 2020 | Bil. 1: 19 – 24 April Bil.2: 05 – 10 Julai | Sektor Penaziran Institusi Pendidikan |
| Penarafan PdP | Pemeriksaan Penarafan PdP Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi Kelas Bercantum di Sekolah Kurang Murid Tahun 2020 | 12 – 24 Julai | Sektor Penaziran Kurikulum |
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Kelestarian Program Pendidikan Inklusif dalam Memenuhi Kualiti Pendidikan Murid Berkeperluan Khas Tahun 2020 | 02 – 14 Ogos | Sektor Penaziran Institusi Pendidikan |
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Pelaksanaan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Prauniversiti (Tingkatan 6) Tahun 2020 | 02 – 14 Ogos | Sektor Penaziran Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum |
| Penarafan Pelaksanaan Dasar atau Program Pendidikan | Pemeriksaan Pelaksanaan STEM dalam Membina Kemahiran STEM Tahun 2020 | 02 – 14 Ogos | Sektor Penaziran Kurikulum |